

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Monday, February 6, 2017 5:09 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: PPA UUM COB : FARAH YASMIN ELIA KONGSI PENGALAMAN DI KOREA



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**
STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS
Universiti Utara Malaysia


Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

06 FEBRUARI 2017 / 09 JAMADILAWAL 1438H
=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera





PPA UUM COB: Farah Yasmin Elia Binti Che Hanannuri, merupakan pelajar tahun dua (2) jurusan Perakaunan antara yang terpilih bagi menyertai program mobiliti berkredit selama satu semester ke Sejong University, Korea.

Farah Yasmin bersama empat rakan yang lain telah berlepas ke Korea pada September 2016 dan telah pulang ke Malaysia pada pertengahan January 2017 yang lalu.

Antara keistimewaan menjalani program mobiliti ini, pelajar ini juga mendapat kenalan dari pelbagai negara seperti Uzbekistan, Brunei, Korea, dan Amerika Syarikat. Banyak aktiviti dilakukan bersama sepanjang tempoh program ini berlangsung. Antaranya adalah belajar tentang budaya Korea, beriadah, dan banyak lagi.

Disamping mempelajari kursus berkaitan bidang yang diambil, pelajar juga berpeluang mempelajari bahasa Korea. Keistimewaan belajar bahasa Korea di sana adalah pelajar dapat mempelajarinya sendiri dari guru berbangsa Korea

dan dapat berinteraksi secara terus dengan rakan-rakan pelajar berbangsa Korea.

Farah Yasmin turut kongsi pengalaman berharga kerana dapat melawat masjid yang pertama dibina di Korea Selatan iaitu **Seoul Central Mosque**. Masjid yang terletak di Bandar Itaewon ini terletak di Hannam-dong, Daerah Yongsan Korea.

Menurut Farah Yasmin lagi, Masjid di atas bukit ini berkeluasan 5000 meter persegi serta mempunyai tiga tingkat yang mana bahagian perempuan dan lelaki dipisahkan mengikut tingkat.

Selain itu, beliau juga sempat melawat tempat – tempat menarik antaranya Olympic Park yang di bina sempena dengan Kejohanan Seoul Olympic pada tahun 1988.

Farah Yasmin turut menzahirkan rasa bersyukur dan berterima kasih kepada pihak UUM dan PPA UUM COB atas peluang yang diberikan dan akan terus berbakti kepada universiti sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610
✉ 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM

and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.